

DATE: 30/6/2008

Program Bumi Hijau perlu berterusan

PUTRAJAYA: Program Bumi Hijau yang akan dilaksanakan di seluruh negara adalah projek berterusan yang memerlukan pembabitkan rakyat setiap masa dan bukan hanya ketika negara mengalami krisis kenaikan harga makanan, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, tujuan utama program itu adalah untuk menyemai budaya baru di kalangan masyarakat supaya sentiasa menghargai tanah dan berusaha memanfaatkan hasilnya, iaitu permulaan kepada Revolusi Hijau untuk kemakmuran rakyat dan negara.

"Biar selama-lamanya inilah cara kita. Pada masa senang apa salah kita teruskan dengan program ini, bukan hanya untuk masa kita susah. Perkara ini satu tabii (amalan) yang baik, berbudi pada tanah untuk kebaikan," katanya pada sidang media selepas melancarkan Program Bumi Hijau Warga Putrajaya, di sini semalam.

Hadir sama, isterinya, Datin Seri Jeanne Abdullah; Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mustapa Mohamed; dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan.

Program Bumi Hijau yang dilancarkan pada Mac 2006 itu bertujuan menggalakkan orang ramai bercucuk tanam, menternak ayam dan puyuh serta memelihara ikan di sekitar rumah untuk keperluan sendiri, sekali gus mengurangkan kos perbelanjaan seharian.

Antara tanaman yang disyorkan adalah kangkung, bayam, sawi, cili,



BERCUCUK TANAM: Abdullah dan Jeanne menanam sayur di Kebun Komuniti ketika pelancaran Program Bumi Hijau Warga Putrajaya, semalam.

terung, timun, kacang botol, bendi serta beberapa ulam-ulaman seperti ulam raja, pegaga dan selom selain limau kasturi, nipis dan purut.

Abdullah berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menerusi Jabatan Pertanian akan membantu menyediakan benih tanaman, baja serta khidmat nasihat oleh pegawai jabatan itu.

"Kita mahu supaya di kawasan program berlangsungnya program Bumi Hijau diwujudkan satu kawasan yang menyediakan benih yang diperlukan. Mungkin sedikit bayaran dikenakan supaya mereka menghargai

apa yang mereka dapat, bukan Jabatan Pertanian nak cari untung, sebaliknya sekadar bayaran sedikit untuk diberikan kepada orang yang menjaga tempat pembenihan," katanya.

Abdullah juga berkata, penduduk boleh berbincang dengan pihak berkuasa tempatan untuk menggunakan tanah kosong di kawasan mereka untuk diusahakan dengan tanaman dan ia akan kelihatan lebih indah dan bersih.

"Kita tidak mahu membazirkan tanah subur yang sepatutnya menjadi produktif. Kalau dibiarkan kawasan kosong itu dipenuhi lalang akan ada pula segelintir masyarakat yang membuang sampah dan pelbagai kotoran pada waktu malam," katanya.

Abdullah juga berkata, pemilik tanah yang ingin mendapatkan semula tanah mereka bagi tujuan infrastruktur seperti pembinaan dewan orang ramai di kawasan itu perlu memaklumkan lebih awal kepada pengusahanya tanah sementara.

"Pemilik maklumkan mereka akan ambil tanah bagi tujuan lain yang akan memanfaatkan penduduk dalam tempoh tiga atau enam bulan lagi, jangan pula beri notis 24 jam dan terus tebang atau cangkul serta buang pokok yang ditanam... orang marah," katanya.

Sementara itu, Mustapa berkata, Program Bumi Hijau akan diperluas ke Negeri Sembilan dan Melaka kerana kedua-dua negeri itu menunjukkan komitmen yang tinggi.

Katanya, keseluruhan program akan membabitkan 7,000 ribu kampung dan taman perumahan di kawasan bandar serta setengah juga keluarga sepanjang tahun ini.

"Program ini akan meningkatkan bekalan makanan negara selain membendung kesan kenaikan kadar inflasi serta meringankan beban kewangan penduduk akibat kesan kenaikan harga makanan," katanya sambil menambah ia juga akan dilaksanakan di negeri yang dipertah parti pembangkang.